



**UCAPAN  
PROF DATO' DR. MOHD FAKHRUDIN BIN ABDUL MUKTI  
REKTOR UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM  
MU'ADZAM SHAH (UniSHAMS)  
DI MESYUARAT AGUNG BADAN KEBAJIKAN STAF (BKS) KALI  
KE-4**

**PADA : 14 MEI 2018  
MASA : 9.00 PAGI  
TEMPAT : DEWAN TUANKU PERMAISURI  
HAJAH HAMINAH**



Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah  
جامعہ السلطان عبد الحلیم معظّم شہاۃ الاسلامیۃ العالمیۃ  
Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah International Islamic University

**UCAPAN PERASMIAN**  
**MESYUARAT AGUNG BADAN KEBAJIKAN STAF (BKS) KALI KE-4**

14 Mei 2018 (Isnin)  
Dewan Tuanku Permaisuri Hajah Haminah | 9.00 pagi

---

*Bismillahirrahmanirrahim*

*Assalamualaikum wbr. Wbkth*

1. Terima kasih saudara pengerusi Majlis

*X* YBhg. Prof. Dr Mohamad bin Abdul Hamid  
*Timbalan Rektor Akademik & Antarabangsa*

*X* YBhg. Dr Wan Nazjmi bin Mohamed Fisol  
*Menjalankan Tugas Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar & Alumni*

YBhg. Tuan Haji Syed Isa bin Syed Ibrahim  
*Timbalan Rektor Pembangunan, Korporat & Jaringan Industri*

*X* YBhg. Tuan Haji Abdullah bin Hashim  
*Pendaftar*

*X* YBhg. Encik Mohd Zamri bin Shadan  
*Bendahari*

YBhg. Dr Akli bin Ahmad  
*Pengerusi Badan Kebajikan Staf (BKS)*

Seluruh kakitangan UniSHAMS yang juga merupakan ahli Badan Kebajikan Staf (BKS) yang dikasihi sekalian.

2. Alhamdulillah, segala puji-pujian dipanjatkan kehadrat Allah SWT, kerana dengan limpah perkenan dan inayah-Nya, kita semua diberikan kesempatan untuk bersama-sama berhimpun di dewan serba indah ini, Dewan Tuanku Permaisuri Hajah Haminah, UniSHAMS bagi menjayakan **MESYUARAT AGUNG BADAN KEBAJIKAN STAF (BKS) KALI KE-4**.

3. Peranan sesebuah badan kebajikan adalah sangat besar kepada seluruh ahlinya. Dalam usaha memainkan peranan sebagai sebuah badan kebajikan, setiap ahli jawatankuasa perlu memainkan peranan yang penting dalam melaksanakan tugas mereka sebagai ahli jawatankuasa yang telah dilantik dan diberikan kepercayaan oleh seluruh ahli.

Setiap perancangan, agenda dan aktiviti yang dilaksanakan perlu memberikan manfaat kepada seluruh ahli. Sebagai ahli badan kebajikan pula, kita perlu memberikan sokongan kepada ahli jawatankuasa yang telah dilantik dalam meneraju badan kebajikan yang kita sayangi ini.

Saya yakin dan percaya, pelbagai aktiviti yang dirancang dan telah dilaksanakan pada masa yang lepas adalah bagi mengukuhkan ikatan ukhwah di antara ahli – ahli dalam badan kebajikan staf ini.

4. Saya amat berharap agar sokongan jitu dan kepercayaan yang diberikan oleh semua ahli kepada BKS dapat diteruskan demi memastikan agenda kebajikan ahli yang merupakan fokus utama BKS dapat dipelihara serta semangat ukhwah dan persaudaraan sesama kita dapat dikukuhkan melalui penglibatan dan komitmen secara aktif ahli dalam setiap aktiviti yang dianjurkan oleh BKS.

5. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua **AJK BKS bagi Sesi 2016 - 2018** yang dalam memastikan BKS ini dapat merancang dan melaksanakan aktiviti - aktiviti kepada seluruh ahli BKS dalam usaha memastikan kebajikan ahli dapat dipenuhi dengan sebaiknya.
  
6. Mengharapkan semoga **AJK BKS bagi Sesi 2018 - 2020** yang baru dilantik ini dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab kepada seluruh ahli dalam BKS ini seperti mana AJK yang sebelum ini melaksanakan tugas mereka dengan sebaiknya. Semoga dengan adanya BKS ini akan memberikan satu impak yang positif kepada seluruh ahli BKS pada masa yang akan datang dan juga aset kepada seluruh ahlinya. **TAHNIAH.**

**[TAMAT]**